



Opening Remarks

Yang Mulia

YM Puan Hjh Rashidah binti Haji Sabtu

Managing Director

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)

Sambutan Hari Celik Kewangan Kebangsaan 2026

“Smart Money Habits, Stronger Financial Well-Being”

Wednesday, 2 September 2026

Songket Hall 1,

Rizqun International Hotel

Bismillahir Rahmaanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin,
Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya E'wal Mursalin,
Sayyidina Muhammadin,
Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh
Menteri Pendidikan
Selaku Pengerusi, Majlis Kebangsaan Celik Kewangan [MKCK]

Yang Mulia
Dato Seri Paduka Dr Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal
Timbalan Menteri, Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap,
Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Celik Kewangan,
Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan BDCB

Para hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam
Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama pada pagi ini bagi menyambut Hari Celik Kewangan Kebangsaan kali ke-12.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan, selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK), atas kesudian untuk hadir sebagai tetamu kehormat di majlis ini dan seterusnya melancarkan sambutan Hari Celik Kewangan Kebangsaan pada tahun ini.
3. Saya juga tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan acara pada tahun ini. Hari Celik Kewangan Kebangsaan merupakan sebahagian daripada komitmen bersama di bawah MKCK dalam usaha meningkatkan tahap celik kewangan dan seterusnya memperkukuh kesejahteraan kewangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.
4. Usaha ini sudah tentunya memerlukan kerjasama yang berterusan antara agensi Kerajaan, institusi pendidikan, institusi kewangan, sektor swasta dan masyarakat secara keseluruhannya. Melalui pendekatan yang bersepadu, pendidikan kewangan dapat disampaikan dengan lebih meluas, relevan dan memenuhi keperluan masyarakat pada peringkat kehidupan yang berbeza.

Para hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

5. Tema Hari Celik Kewangan Kebangsaan pada tahun ini ialah “*Smart Money Habits, Stronger Financial Well-Being*”. Tema ini membawa satu mesej yang mudah tetapi penting – bahawa kesihatan kewangan seseorang individu bermula daripada tabiat dan keputusan kewangan setiap hari.
6. Seperti kesihatan fizikal, kesihatan kewangan juga perlu dibina dan dipelihara secara berterusan. Ia memerlukan pengetahuan, disiplin dan amalan yang baik, daripada merancang perbelanjaan dan membina simpanan, kepada mengurus komitmen kewangan, melindungi diri daripada risiko kewangan serta membuat persediaan awal bagi keperluan masa hadapan.
7. Perkara ini amat relevan bagi Negara Brunei Darussalam. Berdasarkan data daripada *BDCB Supply-side Financial Inclusion*, tahap rangkuman kewangan atau *financial inclusion* di Negara Brunei Darussalam menunjukkan lebih 80 peratus rakyat mempunyai akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan formal. Namun, akses sedemikian semata-mata belum menjamin kesejahteraan kewangan yang mampan.
8. Di sinilah celik kewangan memainkan peranan yang kritikal. Rangkuman kewangan membuka akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan. Namun, celik kewanganlah yang membolehkan akses tersebut dimanfaatkan dengan sebaiknya.

9. Sehubungan itu, program-program sempena Hari Celik Kewangan Kebangsaan pada tahun ini telah dirangka untuk menyokong matlamat tersebut dengan memberikan tumpuan kepada pengurusan kewangan dan perlindungan pengguna kewangan; keterangkuman kewangan termasuk takaful dan insurans, pelaburan dan pembayaran digital; serta keupayaan kewangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana.
10. Melalui bidang-bidang ini, kita bukan sahaja ingin meningkatkan pengetahuan kewangan, malah menggalakkan masyarakat untuk membuat keputusan kewangan yang lebih bijak, menggunakan produk dan perkhidmatan kewangan secara bertanggungjawab, mengurus risiko dengan lebih baik, serta membina daya tahan kewangan bagi jangka masa panjang. Di samping itu, orang ramai turut digalakkan untuk membina pengetahuan mereka mengenai tren-tren kewangan terkini seperti kewangan digital dan manfaatnya, serta risiko-risiko termasuk ancaman keselamatan siber dan penipuan kewangan yang semakin berleluasa.

Para hadirin dan hadirat sekalian,

11. Kini memasuki tahun kali ke-12, sambutan National Financial Literacy Day mencerminkan lebih sedekad usaha berterusan dalam memperkukuh celik kewangan di Negara Brunei Darussalam. Sejak diperkenalkan, lebih 30 program telah dijalankan di keempat-empat daerah, yang melibatkan seramai 22,000 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Berpandukan pendekatan OECD/INFE, program-program kini dirancang dengan lebih praktikal dan interaktif, dan disesuaikan mengikut keperluan demografik yang berbeza serta diperkukuhkan melalui pendekatan pemantauan dan penilaian yang lebih sistematik.

Para hadirin dan hadirat sekalian,

12. Seiring dengan perkembangan digital sektor kewangan yang semakin meluas, kepentingan celik kewangan digital menjadi semakin ketara. Dalam hubungan ini, saya ingin mengongsikan satu dapatan daripada Kaji Selidik Celik Kewangan Kebangsaan 2026. Kajian tersebut menunjukkan bahawa tahap celik kewangan digital direkodkan pada 43 peratus, sekaligus memberikan gambaran mengenai bidang yang masih perlu diperkukuh. Sehubungan itu, usaha akan terus dipertingkatkan bagi membolehkan masyarakat menggunakan perkhidmatan kewangan digital dengan yakin, selamat dan bertanggungjawab melalui pelbagai program-program dan bahan celik kewangan.

13. Keperluan untuk memperkukuh celik kewangan digital ini juga diberi perhatian di peringkat serantau. BDCB turut menyumbang kepada pembangunan ASEAN Digital Financial Literacy Competency Framework yang mana, Insya Allah, akan menyokong usaha meningkatkan celik kewangan digital dan pemahaman dalam kalangan masyarakat. Rangka kerja ini juga akan menjadi rujukan dalam memperkukuh kompetensi serta

menyokong pembangunan bahan dan inisiatif pendidikan kewangan digital pada masa hadapan.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

14. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan, selaku Pengerusi MKCK, ahli-ahli MKCK, dan para jemputan kerana meluangkan masa untuk hadir di pelancaran Sambutan Hari Celik Kewangan Kebangsaan ke-12 ini. Tidak lupa juga ucapan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan strategik serta semua pihak yang terlibat, termasuk Jawatankuasa Sambutan Hari Celik Kewangan Kebangsaan 2026 atas usaha, masa dan tenaga yang dicurahkan dalam menjayakan Hari Celik Kewangan Kebangsaan pada tahun ini.

15. Semoga kerjasama erat ini akan terus diperkukuh dalam usaha kita membina masyarakat yang bukan sahaja lebih celik kewangan, tetapi juga lebih yakin, berdaya tahan dan sejahtera dari segi kewangan. Mudah-mudahan segala usaha yang dilaksanakan ini akan memberikan manfaat yang berpanjangan kepada masyarakat dan negara, serta mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah,

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.